

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : **27 MEI 2015 (RABU)**

SOALAN :

YB Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa lama jangka masa diberikan kepada Ketua Audit Negara dan pihak polis untuk mengkaji dan menyiasat akaun 1MDB. Apakah terma rujukan yang diberikan dalam siasatan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Ketua Audit Negara tidak diberi tempoh jangka masa untuk mengkaji dan mengaudit Akaun 1MDB. Pengauditan 1MDB sedang giat dijalankan dan masa kini sedang di peringkat pelaporan.

Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan pihak polis agar Ketua Audit Negara diberi keutamaan untuk menjalankan tugas pengauditan serta memperoleh dokumen-dokumen berkaitan tanpa sebarang halangan bagi mengesahkan sama ada wujud sebarang penyelewengan atau salah laku dalam pengurusan dana syarikat 1MDB dan membentangkan laporan pengauditan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sebelum pihak polis menyambung siasatan mereka.

Terma pengauditan akan dimaklumkan dalam pembentangan laporan awal pengauditan tersebut kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada akhir bulan Jun 2015

Sekian. Terima Kasih.